


The background of the cover is a dramatic, high-contrast black and white photograph. It depicts a stormy sea with a boat's silhouette in the lower center. The sky is filled with dark, swirling clouds, and a bright light source, possibly the sun or moon, is visible through a break in the clouds, creating a strong backlighting effect and illuminating the water's surface.

Lari Bersama Musim

MUSLIM BURMAT

TOKOH SASTERA BRUNEI DARUSSALAM
REKODING & LAYOUT: MUHAMMAD ALI

Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

© Muslim Burmat, 2015

Edisi Kedua Cetakan Pertama 2015

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Kesahihan fakta, dapatan dan tafsiran dalam buku ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.

Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

MUSLIM Burmat

Lari bersama musim/Haji Muslim bin Haji Burmat. – Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2015.
242 p.
ISBN 978-99917-67-07-9 (Kulit Lembut)
1. Malay fiction I. Title
899.283 MUS (DDC 22)

Reka Bentuk Hiasan Kulit
Matzin Anggas

Editor Penyelenggara
Suip Haji Abd. Wahab
Hajah Shaharah Dato Paduka Haji Abd. Wahab
Tim Pembinaan dan Pengembangan Sastera

Tim Penerbitan
Hajah Rosiah Haji Jaludin dan Hajah Jijah Haji Timbul
Hajah Ramlah Haji Abd. Rahman dan Aminah Haji Mumin

Rupa Taip Teks: Times, 11/13 poin

Atur huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam
Dicetak oleh Syarikat Perniagaan dan Perkhidmatan Percetakan EZY Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Empat

NAMPAKNYA HARI-hari untuk berehat lama di rumah seperti sudah tidak ada lagi. Seperti sengahaja direncanakan semua orang sibuk. Ghairah mencari nafkah. Sibuk dengan pekerjaan di luar rumah. Laut sama sekali seperti tidak berombak, menjadikan para nelayan hampir tidak mau berpisah dengan laut. Apalagi jenis-jenis ikan yang selalu diinginkan sentiasa merujuh pukut. Banyak mengundang rezeki. Laba dan untung juga hampir berlipat ganda. Tetapi Adam menerima nasib seperti sebaliknya. Sejak dua hari yang lalu ia sudah tidak turun ke laut. Sehari penuh ia duduk di rumah memperbaiki perahu. Nampaknya hari berikutnya akan disambung lagi pekerjaan itu. Bahagian hadapan perahunya pecah kerana berlanggar dengan sebuah perahu tambang yang laju ketika sama-sama melalui sebuah lorong sempit di bahagian tengah Kampung Ayer. Pecah dan mamar di bahagian hadapan membawa ke sebelah tengah dinding perahu. Mungkin dua atau tiga hari lagi pun ia tidak dapat turun. Ia menunggu gam perahu kering. Selepas gam kering barulah dicat dan selepas itu harus menunggu cat sehingga kering benar. Kata orang kedua-dua bahan itu harus ditangani dengan cermat dan baik-baik, jikalau tidak kemungkinan perahu akan lekas miris dan cengkaman gam tidak sekuat yang diharapkan. Kesan kesukaran pastinya akan berlaku di tengah laut ketika ombak besar mencabar ketahanan manusia, ketika ia menampar-nampar kasar dinding perahu.

Hari berikutnya Haji Mirusin datang, ia hendak menyambung percakapan dengan Adam yang terputus beberapa hari yang lalu. Percakapan mereka terputus kerana hari hendak hujan dan mereka bergegas hendak pulang. Haji Mirusin mahu menyambung percakapan Adam dengan Haji Takung dan Judin beberapa hari yang lalu. Haji Takung dan Judin walaupun kedua-dua orang kuat untuk menubuhkan persatuan nampaknya pendapat mereka belum bulat. Fikiran belum padu, ada terdapat beberapa percanggahan terhadap soal-soal pokok antara fikiran mereka, misalnya Judin mahu orang luar dapat menjual ikan nanti bagi pihak persatuan, tetapi Haji Takung tidak setuju. Katanya orang yang menjual itu mesti digaji persatuan, dan orang itu mestilah terdiri daripada anak jati Kampung Setia, dan ia juga mesti ahli persatuan. Bagi Haji Mirusin menubuhkan persatuan adalah suatu yang perlu, sudah tiba masanya orang Melayu bersatu-padu dan berlatih berniaga. "Menjual ikan bukan seperti menjual hasil pertanian. Hasil pertanian boleh dijual di mana-mana, tetapi menjual ikan biasanya ditetapkan pada suatu tempat yang tertentu, seperti pasar dan gerai di kawasan orang ramai. Kerana itu berjual ikan tidaklah sesukar mana, ada tempat," kata Haji Mirusin. Ia menyambung lagi alasannya, "Apa ertinya berpersatuan dan berjaya mengumpul hasil tangkapan, jikalau orang lain masih menjual, orang lain masih dapat untung daripadanya, sedangkan orang itu tidak membuat apa-apa kerja selain daripada menayangkan wangnya untuk dipinjamkan. Kalau kita sudah berjaya memegang perniagaan mengapa pula lekas-lekas mau diberikan kepada bangsa lain?"

Ada juga yang berkata, "Mungkin orang kita belum sebijak mana memegang wang dan tahu mengembangkannya!"

"Kalau masih begitu," katanya kepada kawan-kawannya, "persatuan masih menjadi alat!"

Ada juga yang lain berkata, "Menjadi alat atau tidak menjadi alat, selama ini kita dapat pinjam wang untuk membolehkan kita pergi ke laut. Untuk beli perahu, untuk

beli enjin, untuk beli alat-alat menangkap ikan. Persatuan nanti mampu berbuat begitu!”

Memang, kata-kata itu ada benarnya. Orang kampung tidak tumbuh bersama setimbun wang. Untuk memulakan usaha memerlukan sejumlah wang. Malah jumlah itu besar, untuk membeli itu membeli ini. Siapa orang kampung yang berani tampil meminjamkan sejumlah wang besar demi membantu seorang anak kampung yang lain untuk meneruskan usahanya? Kata-kata sedemikian, yang dirasakan kurang sopan, memang tidak pernah dikeluarkan oleh sesiapa pun anak kampung. Tetapi rata-rata anak kampung telah lama memendam kata-kata yang demikian dalam hati. Sama-sama memendamkan tetapi sama-sama tahu hakikat sebenarnya.

Bagi kawan-kawannya, Adam adalah seorang yang berfikiran sederhana dan berpendirian tetap. Walaupun sifatnya agak keras tetapi fikirannya sentiasa terbuka untuk dibawa berunding. Dalam perundingan di kampung bukan sahaja fikirannya didengar tetapi ia adalah anak saudara kepada ketua kampung. Ketua kampung selalu merujuk atau mendengar fikirannya terlebih dahulu sebelum ia sendiri memberikan fikirannya.

Haji Mirusin membuka fikirannya dan berkata suatu hari, “Yang sebaiknya kita kumpulkan dahulu semua anak kampung, kita terangkan satu-satu.”

Adam cuba melabuh fikirannya. “Hanya orang kampung ini kadang-kadang sukar menerima yang baru.”

“Kita tidak menukar apa-apa, kita cuba membisaii.”

“Kadang-kadang sukar kita dapat masuk, walaupun sebenarnya kita hendak membisaii.”

“Kamu macam ragu-ragu,” kata Haji Mirusin.

“Yah, yah, ini masalah duit,” suara Adam seakan-akan tidak sedar apa yang diucapkannya. Semua orang tahu, kampung mereka hampir-hampir terasing, hampir-hampir tidak ada pertembungan dengan kemajuan-kemajuan yang dirasakan oleh jiran-jiran mereka. Memang kampung-kampung itu terletak jauh dari kampung mereka. Sekarang kepada orang-orang yang berfikiran ke hadapan,

iaitu orang-orang yang menimbulkan hal persatuan, hal persatuan adalah suatu kemajuan. Yang membawa mereka kepada fikiran maju.

Lama mereka terdiam. Mereka tidak dapat berfikir apa-apa lagi. Mereka terganggu. Beberapa orang kanak-kanak mula terjun ke air, mandi dan berkejaran di jambatan. Bunyi gubang air dan suara mereka mengganggu tetapi seketika sahaja apabila mereka dimarahi beberapa orang tua yang sedang bertenggek di jambatan.

Lalu mereka sama-sama berpendapat, tidak ada baiknya dibahaskan perkara itu di luar, tunggu nanti di rumah ketua kampung. Sambil melayangkan fikiran ke luar jauh, mereka masing-masing mengharapkan ada fikiran-fikiran baru yang dikeluarkan semasa perundingan. Malah semangat juga harus kuat, berani melepaskan cara sikap lama yang telah ditinggalkan di kampung yang lama.

Sainah datang dengan menatang dulang berisi dua cawan kopi. Ia meletakkan di hadapan Adam dan Haji Mirusin. "Kopi kosong saja, ka aji," katanya.

"Ah, tak usah buat apa-apa," kata Haji Mirusin. "Kakakmu sudah buat minuman di rumah sebelum aku ke mari."

"Panas sudah duduk baru keluar kopi," kata Adam sambil menjeling isterinya. Sainah pura-pura tidak mendengar.

"Hasan mengacau di dalam," kata Sainah, "buat kopi pun susah. Dia cuba mencapai air panas di kitil."

"Yah, jaga-jaga air panas!" kata Haji Mirusin. "Jauh-jauh palis. Kalau tempat menaruh dapat dijangkaunya. Tumpah." Katanya lagi, "Kanak-kanak andangnya kacau."

"Itulah perkara yang aku tidak mau dengar. Merbahaya minta jauh-jauhkan," kata Adam, maksudnya air panas tumpah dan mengenakan orang.

"Ingat-ingat waktu bekerja, walaupun sibuk, kanak-kanak!" kata Haji Mirusin menyambung.

Sainah bangun sambil mengangguk. "Minumtah, ka aji."

